



20 SEP, 2024

Porsche Panamera antara 11 kereta mewah dirampas

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

JKDM serbu gudang simpan kenderaan mewah tiada permit import

Oleh HISYAMUDDIN AYUB
KLANG

Sebuah gudang yang dijadikan tempat simpanan kenderaan import mewah melebihi tempoh diserbu Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menerusi Ops Longkai 2024 pada Julai dan Ogos lalu.

Penolong Ketua Pengarah JKDM, Norlela Ismail berkata, perbuatan tidak beretika itu berjaya dihidu JKDM Selangor sebelum melakukan siasatan dan risikan.

"Hasilnya, kastam melakukan serbuan terhadap gudang penyimpanan kenderaan di Pelabuhan Utara dan Pelabuhan Barat.

"Pemeriksaan menemukan 11 kenderaan import pelbagai jenis tanpa lesen import," katanya ketika sidang akhbar di Pejabat JKDM Pelabuhan Klang Utara di sini pada Khamis.

Norlela berkata, nilai anggaran dan duti bagi semua kenderaan

mewah tersebut berjumlah RM3.69 juta.

"Gudang ini didapati menyimpan kenderaan tanpa permit import melebihi tempoh simpanan dibenarkan iaitu tidak melebihi 48 bulan atau empat tahun.

"Semua kenderaan dirampas dipercayai diimport dari Eropah dan Asia, manakala pihak gudang serta pengimport gagal mengemukakan permit import Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)," katanya.

Dalam perkembangan lain, Norlela berkata, pihaknya turut merampas dua kontena menyimpan 27,000 liter minuman keras dengan anggaran nilai cukai berjumlah RM1.15 juta di Zon Bebas, Pelabuhan Utara pada 2 September lalu.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan mendapati minuman



NORLELA

keras itu tidak mempunyai permit import.

"Modus operandi digunakan adalah membuat ikrar barangan dirampas sebagai 'kabinet cermin dan aksesori' bagi mengelak dikesan JKDM," katanya.

Dalam pada itu, Norlela berkata, JKDM turut merampas satu kontena menyimpan 13,100 kilogram cecair nikotin bernilai RM1.3 juta tanpa permit import di lokasi sama pada 4 September lalu.

Menurutnya, pada 5 September pula, JKDM berjaya merampas 934 unit televisyen bernilai RM200,343 kerana tiada permit import.

Sementara itu, Norlela katanya, JKDM juga menyita empat unit bungkusan disyaki mengandungi dadah jenis ganja seberat 1,767 gram dengan anggaran nilai RM13,955.



FOTO HISYAMUDDIN AYUB

Norlela menunjukkan sedan mewah Porsche Panamera dirampas dalam serbuan Ops Longkai 2024 di Pelabuhan Klang.

"Rampasan ini dibuat di Pusat Mel dan Kurier, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 16, 22 dan 29 Ogos lalu.

"Bungkusan dadah ini diikrarkan sebagai produk teh dan cen-

derahati bagi mengelak dikesan JKDM," katanya.

Norlela berkata, nilai rampasan bagi kereta mewah, dadah, minuman keras, cecair nikotin dan televisyen keseluruhannya mencecah RM6.37 juta.



20 SEP, 2024

Porsche Panamera antara 11 kereta mewah dirampas

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

JKDM serbu gudang simpan kenderaan mewah tiada permit import

Sebuah gudang yang dijadikan tempat simpanan kenderaan import mewah melebihi tempoh diserbu Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menerusi Ops Longkai 2024 pada Julai dan Ogos lalu. Penolong Ketua Pengarah JKDM, Norlela Ismail berkata, perbuatan tidak beretika itu berjaya dihidu JKDM Selangor sebelum melakukan siasatan dan risikan. “Hasilnya, kastam melakukan serbuan terhadap gudang penyimpanan kenderaan di Pelabuhan Utara dan Pelabuhan Barat.